

Zainuddin minta Taib dedah rahsia

27 APR 2002

ALOR STAR, Jumaat - Ahli Parlimen Baling, Taib Azzamudden Mohd Taib hari ini diminta mendedahkan rahsia besar yang disimpannya seiak beberapa tahun lalu, kerana ia boleh mknyelamatkan orang Melayu daripada terus berpecah-belah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata pendedahan itu harus dilakukan agar Pas tidak meneruskan fitnah ke atas Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainuddin berkata, Pas tahu mengenai rahsia itu tetapi sengaja mendiamkannya demi kepentingan politik mereka.

"Kalau Taib dedahkan rahsia itu, Pas sendiri akan menghentikan perbuatan fitnah dan melmparkan kata keji kepada Dr Mahathir.

"Orang Pas menggunakan kata-kata yang tidak manis kerana mereka tidak tahu perkara yang sebenar," katanya selepas tamat majlis penutupan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 oleh Perdana Menteri di perkarangan Stadium Darulaman. di sini hari ini.

Zainuddin turut hairan dengan sikap sege-lintir ulama yang berpendapat tidak harus memburukkan orang lain jika pihak berkenaan ada kaitan dengan mereka.

"Mereka akan katakan perbuatan mendedahkan keburukan orang itu boleh mengaibkan tetapi jika ia membabitkan orang lain yang tiada kepentingan kepada mereka, golongan inilah yang sibuk mendedahkannya seperti kes gadis Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik dulu," katanya.

Beliau berkata, sudah masanya Taib tampil menerangkan kepada orang Melayu kerana ramai yang tahu dia menyimpan rahsia itu.

"Ramai tahu dia simpan rahsia yang boleh pulihkan perpaduan Melayu," katanya yang enggan menyebut rahsia yang dimiliki Taib.

Zainuddin berkata, rahsia itu diperoleh Taib ketika beliau masih memegang jawatan sebagai Imam Besar Masjid Negara.

Ditanya mengapa Taib harus membuka rahsia itu walaupun ramai yang mengetahuinya, Zainuddin menjelaskan sebagai orang berpengaruh khususnya bekas imam di Masjid Negara, orang ramai pasti mempercayainya.

"Kalau betul dia tidak mempunyai rahsia itu, Taib harus tampil menafikannya," katanya yang sekadar menyebut rahsia itu membabitkan seorang yang dianggap ulama agung.

Sementara itu, Zainuddin menafikan beliau mahu bertanding pada pilihan raya akan datang khususnya di parlimen Merbok yang kini disandang bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.